

# BICARA INDUSTRI: KERJAYA GRADUAN BERSAMA ADK SOLUTION SDN. BHD.

4 APRIL 2023

Disediakan oleh: Asmah Sabtu

BULETIN

IQRA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK  
SHAH ALAM



Program Live @ PTAR menerusi Segmen Bicara Industri kali ini telah menampilkan panel luar UiTM iaitu Ketua Pegawai Eksekutif ADK Solution Sdn. Bhd. Encik Shaiful Amri Md. Aris manakala Saudari Siti Hajar Roslim sebagai moderator program.

Program ini telah bersiaran secara langsung pada hari Selasa bermula jam 10:00 pagi hingga 11:00 pagi di Ruang Media, PTAR. Melalui segmen kali ini tajuk yang dikongsikan ialah "Kerjaya Graduan bersama ADK Solution Sdn. Bhd.".

Encik Shaiful telah berkongsi mengenai latar belakang ADK Group yang merupakan syarikat perkhidmatan khusus buat industri automotif, pengendalian pesawat dan pembersihan bangunan. Bukan itu sahaja, ADK Group terbahagi kepada tiga anak syarikat iaitu ADK Solution, ADK Global dan ADK Safety & Health. Antara ketiga-tiga bahagian tersebut hanya dua anak syarikat yang aktif iaitu ADK Solution dan ADK Global. Manakala ADK Safety & Health pula dalam proses perkembangan perniagaan.

Kesimpulannya, perkongsian yang telah disampaikan oleh Encik Shaiful Amri Md Aris amat membantu graduan yang mahu merebut peluang pekerjaan di syarikat tersebut. Selain itu, program bicara industri seperti ini diharapkan dapat diteruskan lagi agar dapat membantu generasi muda pada masa akan datang.

